

# Mahathir mahu guru rangka semula tekad

BH 17 MAY 1994

ALOR STAR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu guru menyemak dan merangka semula tekad serta strategi bagi memenuhi tanggungjawab terhadap pembangunan pendidikan negara sempena merayakan Hari Guru, hari ini.

Perdana Menteri berkata, penyempurnaan tanggungjawab cemerlang dalam usaha mendidik dan mengasuh generasi muda akan membentuk generasi yang lebih maju.

Beliau menyifatkan guru sebagai benteng pertahanan barisan belakang setanding dengan tugas benteng barisan depan

yang dipikul oleh anggotatentera.

"Keutuhan dan kekukuhannya negara serta kesejahteraan rakyat memerlukan kedua-dua bentuk pertahanan ini sama kuat," katanya dalam kata aluan di buku cenderamata sempena pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan 1994, di sini malam ini.

Perayaan Hari Guru bertemakan 'Guru Inovatif dan Kreatif Menjayakan Wawasan' tahun ini disambut di Kedah dan kali kedua diadakan di luar Kuala Lumpur selepas Kuching, tahun lalu.

Dr Mahathir berkata,

dalam usaha membangunkan negara, tugas dan tanggungjawab guru amat besar kerana kehidupan pada masa depan akan menampilkan cabaran yang lebih hebat dan sengit.

Menurutnya, generasi muda hanya dapat menangkis dan mengatasi cabaran itu dengan sikap, pemikiran dan usaha yang cemerlang.

"Namun, kecemerlangan hanya termungkin apabila sepenuh usaha sudah dibuat dan disertai kreativiti, inovasi, perubahan fikiran dan bersilih pendekatan," katanya.

Perdana Menteri berka-

ta, tugas guru mengiktiskan ilmu dan memberikan pendidikan ialah mempersiapkan dan memperkuat generasi muda dengan senjata dan peluru bagi menghadapi gaya hidup yang berubah.

Menurutnya, ilmu pengetahuan, kepandaian dan kemahiran adalah senjata dan peluru paling penting dalam zaman memeningkan kecemerlangan itu nanti.

"Menentukan berjaya dan berhasilnya tugas ini dengan cemerlang menjadi amanah serta tanggungjawab utama guru," katanya.